

27/10/2003

Sewajarnya Bush digelar pembohong

KENYATAAN Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang menyifatkan Presiden George W Bush sebagai pembohong besar, tepat kepada sasarannya. Dr Mahathir berani berkata demikian kerana sewaktu menemui Presiden Amerika Syarikat itu di Bangkok minggu lalu, tidak ada elemen yang menunjukkan Bush mencelanya. Bagaimana pula jurucakap Amerika Syarikat, Scott McClellan mengatakan Bush mencela Dr Mahathir? Sekiranya Bush mengakui yang beliau mencela Dr Mahathir, walaupun sekadar menyokong kenyataan pegawainya, bermakna Bush juga menipu dunia.

Jika perkara sebegini pun boleh dijaja, tidak hairanlah penipuan terhadap isu senjata berbahaya yang kononnya dimiliki Iraq tidak dapat dibuktikan hingga negara itu musnah. Sebagaimana diakui oleh Dr Mahathir ketika di Bangkok menghadiri sidang kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec), sememangnya Bush ada menarik beliau ke tepi untuk menjelaskan sesuatu. Tetapi, dalam perbualan itu Bush yang menjelaskan kenapa beliau membuat kenyataan keras terhadap Dr Mahathir. Isu Yahudi sebagaimana dinyatakan oleh Scott, tidak timbul. Beginilah gelagat mereka

dari negara besar yang memutarbelitkan apa juga peluang untuk menjatuhkan

maruah manusia, walaupun terpaksa bersikap kurang ajar.